

Agong bertanya khabar penduduk di perkampungan Orang Asli di Cameron Highlands

Jun 11, 2022 @ 5:55pm



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat menyempurnakan majlis pengurniaan sumbangan kepada penduduk Kampung Orang Asli Pos Menson dan Kampung Orang Asli Sungai Relong di Cameron Highlands, Pahang, hari ini. - Foto ihsan FB Istana Negara

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat menyempurnakan majlis pengurniaan sumbangan kepada penduduk Kampung Orang Asli Pos Menson dan Kampung Orang Asli Sungai Relong di Cameron Highlands, Pahang, hari ini.

Keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah disambut Pegawai Daerah Cameron Highlands, Syed Ahmad Khairulnwar Syed Abdul Rahman dan Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf.

Menurut catatan Istana Negara di Facebook, hari ini, Seri Paduka berkenan mengurniakan sumbangan tunai dan barangan keperluan dapur kepada 63 ketua isi rumah di Kampung Orang Asli Pos Menson dan 153 ketua isi rumah di Kampung Orang Asli Sungai Relong pada majlis yang berlangsung selama hampir dua jam, bermula 11 pagi.



Sempena lawatan itu, Seri Paduka turut berkenan menyantuni penerima sumbangan dengan bertanya khabar serta menasihati penduduk agar sentiasa menjaga kesihatan diri, keluarga dan warga emas.

Al-Sultan Abdullah turut bertitah sekiranya penduduk mempunyai sebarang permasalahan hendaklah sentiasa merujuk kepada tok batin agar tindakan selanjutnya dapat diambil dan disegerakan.– BERNAMA